

25 SEP 1998

Mahathir-Dakwa/I

ANWAR AKAN DIDAKWA DI MAHKAMAH JIKA PENYOKONG BERHENTI MERUSUH

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan jika para penyokongnya berhenti daripada mengadakan rusuhan.

Beliau berkata walaupun Anwar kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), dia masih boleh mendesak penyokongnya agar jangan mengadakan rusuhan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya pemberita sama ada kelewatan dalam mendakwa Anwar di mahkamah menunjukkan yang bukti terhadapnya berkaitan salahlaku seks tidak mencukupi.

Dr Mahathir sebelum itu merasmikan persidangan dan pameran francais Malaysia '98 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Polis pencegah rusuhan terpaksa menyuraikan beberapa ribu penyokong Anwar yang merusuh di luar bangunan mahkamah pada hari Isnin lepas setelah mereka menjangka Anwar akan dihadapkan ke mahkamah pada hari itu.

Dr Mahathir, yang dalam beberapa hari lepas telah mendedahkan perbuatan salahlaku yang didakwa dilakukan oleh Anwar termasuk hubungan homoseksual, berkata bahawa beliau percaya majoriti rakyat sudah yakin terhadap kesalahan Anwar. Tetapi Anwar, yang dilucutkan daripada jawatan Kabinet pada 2 Sept dan ditahan pada Ahad lepas, nampaknya sudah membuat andaian lebih dahulu yang dia tidak akan mendapat perbicaraan yang adil.

"Dengan itu jika dia didapati bersalah nanti, dia boleh memberitahu orang ramai kononnya dia tidak dibicarakan dengan adil," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya mengenai perhimpunan haram di Masjid Negara selepas solat Jumaat tengah hari tadi, Dr Mahathir berkata beliau dukacita kerana ada orang menyokong manusia yang "membuat dosa dalam masjid."

"Sepatutnya mereka tidak buat seperti itu sebab ia berdosa tetapi mereka buat demonstrasi dalam masjid dan ini menambahkan dosa."

Ahad lepas Anwar mengepalai satu perhimpunan di Masjid Negara yang dihadiri beribu-ribu penyokongnya yang kemudian mencetuskan rusuhan. Anwar ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada hari yang sama.

Ketika ditanya kenapa beliau tidak mengambil tindakan lanjut mengenai perkara itu (aktiviti homoseksual Anwar) lima tahun lepas walaupun beliau sudah diberitahu oleh Ketua Polis Negara ketika itu Tun Haniff Omar, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh percaya yang Anwar melakukan perbuatan seperti itu.

"Kini saya sudah memperolehi bukti yang saya tidak boleh tolak lagi," katanya, sebagai jawapan kepada pertanyaan mengapa tindakan terhadap Anwar diambil sekarang, yang memberi gambaran seolah-olah ia didorong oleh sebab-sebab politik.

Dr Mahathir juga menyifatkan Anwar sebagai "pembohong terbesar" kerana mendakwa lebih RM1 bilion milik Umno dipindahkan ke Switzerland oleh Bendahari Umno Tun Daim Zainuddin menggunakan penerbangan komersil.

"Mengapa Daim perlu membawa wang yang begitu banyak menggunakan penerbangan komersil sedangkan beliau memiliki pesawatnya sendiri," kata beliau menjawab satu soalan merujuk kepada mesej Anwar dalam video yang disiarkan oleh rangkaian televisyen CNBC Asia yang mana Anwar menuduh Daim membawa wang yang banyak menggunakan penerbangan komersil.

Dr Mahathir berkata "hanya orang asing yang tamak akan mempercayainya".

"Fikirkanlah sendiri. Jika anda mahu membawa beg berisi wang itu ke Switzerland, adakah anda membawa dan meletakkannya atas tempat duduk

seperti yang didakwa oleh Anwar. Beliau (Anwar) memberitahu saya terdapat bungkusan besar wang yang diletakkan di sebelahnya (Daim) dan beliau (Daim) memberitahu juruterbang "saya membawa duit yang banyak" dan juruterbang itu pula melaporkannya ke Bank Pusat yang seterusnya melaporkan kepada Anwar yang sebaliknya melaporkannya kepada saya.

"Jika anda mahu membawa keluar wang dari negara ini, orang seperti Daim tahu bagaimana mudah untuk memindahkan wang dengan hanya menulis atas beberapa kertas. Jika dia mahu membawa RM1 bilion, betapa besarkah jumlah itu, berapa banyak itu, beliau mempunyai pesawat sendiri," katanya.

Ditanya sama ada Gabenor bank pusat mengesahkannya (pemindahan wang), Dr Mahathir berkata: "Dia (Gabenor) telah meletakkan jawatan dan Anwar dipecat, dia tidak mahu dibicarakan, oleh itu ia mengadakan kekacauan, dan dia mahu ditahan di bawah ISA, jadi dia boleh mendakwa dia ditahan di bawah ISA.

Perdana Menteri berkata di Britain pun terdapat undang-undang seumpama itu yang dipanggil Akta Pencegahan Keganasan, yang hampir sama dengan ISA dan ia adalah undang-undang yang universal bagi banyak negara.

Ditanya bahawa di beberapa negara walaupun seseorang itu ditahan di bawah akta itu (akta pencegahan keganasan), orang itu masih boleh ditemui.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Anwar berada di Malaysia dan hanya kerana anda tidak melihatnya, ia tidak bermakna dia telah hilang.

Berkaitan dengan soalan bahawa peguam Anwar tidak dibenarkan menemuinya, Dr Mahathir berkata: "Apa maksud anda, apabila masanya tiba bagi peguamnya untuk menemuinya, mereka boleh bercakap dengannya, tetapi peguamnya tidak berminat untuk bercakap dengannya, mereka lebih berminat untuk membuat propoganda."

Ditanya sama ada beliau terkejut kerana Anwar masih berupaya mempengaruhi sesetengah golongan, walaupun Dr Mahathir telah menjelaskan kedudukan yang sebenar, Dr Mahathir berkata beliau terkejut dengan penglibatan Anwar dalam salah laku seksual kerana sebelum ini beliau tidak percaya Anwar melakukan perkara tersebut.

"Selama ini, beliau menjadi timbalan saya, beliau melakukan semua...tanpa pengetahuan saya dan beliau dapat memperdayakan negara, berpura-pura menjadi warak dan terlibat dalam perlakuan homoseks,"

"Oleh kerana perlakuannya terbongkar sebelum beliau menjadi Perdana Menteri, Saya bersyukur bahawa saya sempat memecatnya sebelum beliau menjadi perdana menteri," kata beliau.

"Jika beliau (Anwar) menjadi Perdana Menteri, Tuhan sahajalah yang dapat menyelamatkan negara ini," kata beliau.

Kepada soalan sama ada kenyataannya (Dr Mahathir) bahawa Anwar melakukan perbuatan itu akan mempengaruhi keputusan mahkamah terhadap bekas timbalan perdana menteri itu, Dr Mahathir berkata beliau (Anwar) sendiri berkata beliau (Anwar) tidak bersalah dan itu pun telah mempengaruhi mahkamah.

Ketika ditanya sama ada sebab Anwar tidak dihadapkan ke mahkamah kerana beliau (Dr Mahathir) tidak yakin mengenai keselamatan dan ketenteraman di ibu negara, Dr Mahathir berkata Anwar dalam keadaan seperti yang Anwar cuba timbulkan, ada orang yang mungkin cedera dan apabila ada orang cedera, media asing akan gembira dan mereka akan mengambil gambar darah," kata beliau.

Ketika ditanya bagaimana Anwar hendak mengarahkan para penyokongnya supaya berhenti merusuh, Dr Mahathir berkata: " Saya tidak tahu... mungkin menggunakan telepati mental."

Beliau berkata Anwar telah meninggalkan banyak pesanan dan beliau telah membahagikan tape rekoder dan mengadakan temuramah untuk digunakan oleh media asing.

Ketika ditanya mengapa Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dihantar ke

Masjid Negara hari ini untuk menyuraikan rusuhan, Dr Mahathir berkata " Bagaimana anda hendak menyuraikan kekacauan dalam masjid jika anda tidak boleh masuk ke dalam masjid, bolehkah anda melakukannya melalui remote control?

Ketika ditanya mengenai permintaan Setiausaha Luar Britain Robin Cook supaya Anwar dibicarakan secara adil dan para peguamnya dibenar menemui beliau, Dr Mahathir berkata: " Saya tidak peduli apa pandangannya, Saya tidak tahu apakah pandangannya."

-- BERNAMA

ARA HAK JK FAZ